

Perubahan di China

Dr. M yakin tidak akan beri kesan

Dr. Mahathir - overseas trips.

BUENOS AIRES 2 Julai — U.M. 3 - JUL 1991 — Dari Zainuddin Maidin

Perdana Menteri Malaysia, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad menyatakan keyakinannya sebarang perubahan di China tidak akan memberikan kesan besar kepada rantau Asia.

Sebaliknya, kata Dr. Mahathir, China akan menyesuaikan dirinya kepada kehendak - kehendak dunia yang berorientasikan pasaran bebas.

Dr. Mahathir berkata demikian di hadapan ahli-ahli perniagaan, perusahaan, pegawai-pegawai tinggi kerajaan dan ahli-ahli akademik tempatan di dalam masa tanya jawab selepas memberikan ucapannya di Shoraton Hotel di sini semalam.

Beliau telah ditanya oleh seorang ahli pemiagaan Argentina tentang kemungkinan - kemungkinan yang akan berlaku apabila Hong Kong kembali menjadi milik China di dalam tahun 1997.

Dr. Mahathir menjawab China tidak akan berubah banyak sebaliknya akan terus dengan sistemnya.

Katanya, selama 4,000 tahun China tidak pernah mengamal-

kan demokrasi maka jangan kita menganggap hanya kerana tunjuk perasaan pelajar-pelajar di Dataran Tiananmen, maka 1 bilion rakyat China akan menjadi demokratik.

Beliau yakin penyertaan semula Hong Kong ke dalam China di dalam tahun 1997 akan memberi kesan positif kepada China sendiri.

"Ia akan menyesuaikan dirinya dengan pasaran bebas. Ia memerlukan perdagangan antarabangsa untuk memberikan kehidupan yang baik kepada rakyatnya.

"Saya rasa China menilai dolar Amerika sama seperti kita menilai dolar Amerika," ujarnya Jan disambut dengan ketawa oleh para hadirin.

Beliau menambah: Jadi kami tidak fikir apabila berlaku perubahan di China akan memberikan kesan besar kepada rantau ini. "Maka itulah sebabnya kami mencadangkan supaya China menvertai Kumpulan Ekonomi

Asia Tenggara (EAEG)," tegasnya.

Dr. Mahathir telah diberi tepukan bergemuruh apabila beliau berkata: "Mungkin dengan itu China boleh mempelajari tentang pasaran bebas dari kami."

Beliau memberitahu bahawa Malaysia bekerjasama rapat dengan China sekalipun ideologinya adalah berbeza dengan Malaysia.

Ditanya bagaimanakah Argentina boleh terus menjadi anggota Negara-Negara Berkecuali di dalam dunia yang sudah berubah, Dr. Mahathir berkata "pergerakan ini terpaksa menyesuaikan diri dengan keadaan supaya kewujudannya memberikan makna dan manfaat kepada anggota-anggotanya.

"Dunia hari ini tidak lagi berminat kepada ideologi sebaliknya mengutamakan perubahan ekonomi dan peningkatan taraf hidup rakyat," katanya.

Beliau menarik perhatian Negara-Negara Berkecuali yang

kebanyakan anggotanya adalah negara-negara membangun boleh memainkan peranan mempengaruhi masa depan dunia.

"Negara-negara membangun boleh mendapat faedah dari dunia yang sedang berubah sekiranya mereka menyesuaikan diri dengan situasi dunia yang kini menumpukan kepada ekonomi dan tidak kepada ideologi," katanya.

Di samping itu Dr. Mahathir juga menyatakan bahawa Kumpulan Ekonomi Amerika Latin (MERCOSUL) yang dianggotai oleh Brazil, Argentina, Uruguay dan Paraguay boleh bekerjasama dengan ASEAN sekiranya mereka dapat menjadi sebuah pertubuhan ekonomi yang berkesan.

Beliau memberitahu bahawa ASEAN maju bukan secara tidak sengaja tetapi kerana bekerjasamanya dan mempelajari antara satu sama lain.

"Saya percaya MERCOSUL juga boleh bekerjasama untuk mengurangkan ketegangan dan menumpukan kepada usaha-usaha bagi kemajuan negara-negara anggota.

"Bila anda berbuat demikian maka peluang untuk bekerjasama dengan ASEAN adalah terbuka luas," katanya.

Perdana Menteri Malaysia dan rombongan yang tiba di sini hari Ahad lalu telah mengadakan pertemuan dengan Presiden Argentina, Carlos Menem sebelum memberikan ucapan kepada kumpulan tersebut.

Malam ini Dr. Mahathir menyaksikan upacara menandatangani perjanjian perdagangan antara Argentina dengan Malaysia yang dilakukan oleh Menteri Luar kedua negara.

Dr. Mahathir telah menyampaikan anugerah Darjah Utara Sri Mahkota Negara membawa gelaran Tun kepada Presiden Argentina itu dan Dr. Mahathir pula dikurniakan The Order of St Martin.

Malam tadi Dr. Mahathir menyaksikan upacara penandatanganan dua perjanjian antara Malaysia dengan Argentina iaitu perjanjian kerjasama perdagangan, sains dan teknologi dan perjanjian perdagangan yang dilakukan oleh Menteri Luar dan Menteri Perdagangan kedua negara.